

05 AUG 1996

DR LIN SARANKAN "BELANJAWAN HIJAU" DALAM RMK7

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Pakar kewangan Tan Sri Dr Lin See Yan hari ini menyarankan penggunaan "Belanjawan Hijau" bagi mengembleng pembangunan sumber kewangan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7).

Belanjawan Hijau yang menekankan implikasi kewangan bagi setiap pakej dasar yang dirumuskan, adalah amat berkesan berasaskan pengalaman beberapa negara di dunia, kata Dr Lin yang juga pengerusi Pakar Kumpulan Kerja Bangsa-bangsa Bersatu berkaitan Kewangan dan Perubahan Penggunaan & Polar Pengeluaran, Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pembangunan Berkekalan.

Belanjawan Hijau adalah pelaksanaan instrumen ekonomi yang mesra alam, kata beliau dalam satu kertas kerja bertajuk "Penghijauan dalam RMK7 dan Instrumen Pasaran bagi Pembangunan yang Berkekalan."

Kertas kerja itu telah dibentangkan di Konvensyen Kebangsaan tiga hari mengenai RMK7 yang bermula hari ini. Konvensyen itu dianjurkan oleh Persatuan Ekonomi Malaysia dan telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Lin, yang juga presiden dan ketua eksekutif Pacific Bank Bhd, menyatakan instrumen itu adalah untuk mengurangkan subsidi, yang boleh memberi keburukan kepada pembangunan berkekalan, menaikkan bayaran bagi sumber asli ke taraf yang mencerminkan kos pelupusan dan memperkenalkan bayaran pencemaran dan instrumen yang berkaitan, untuk memaksa mereka yang mencemari untuk membayar harga pemusnahan alam sekitar yang dilakukan oleh mereka.

Dr Lin menyatakan pembangunan kewangan yang berkekalan mungkin boleh melampaui pembiayaan perlindungan alam sekitar dan pengurusan, kerana ia melibatkan intergrasi sosial, ekonomi dan aspek-aspek alam sekitar.

Beliau menyatakan pada peringkat yang asas, penggubal dasar harus membenarkan sektor swasta membuat keuntungan terhadap pelaburan yang berkaitan dengan teknologi alam sekitar yang berkekalan.

Ini memerlukan kerajaan menggariskan rangka kerja jelas terhadap makroekonomi dan alam sekitar.

Kerajaan dan agensi antarabangsa harus mengambil langkah khusus untuk mengurangkan risiko pasaran, risiko dasar dan kos transaksi, yang melibatkan pelaburan dalam perkhidmatan dan produk yang bersesuaian dengan alam sekitar.

Di samping itu, sektor awam, sektor swasta dan agensi antarabangsa boleh juga memberikan perkhidmatan maklumat, latihan, perkhidmatan pusat penjelasan dan bantuan pemasaran bagi mengenal pasti peluang bagi pembiayaan sektor swasta dan jualan. -- BERNAMA

JR RIF MA